

SMK...

**OPS 93
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos**

1103/2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

Markah penuh 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terhadap ekonomi negara.	2
Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas Industri kecil dan Sederhana (IKS)	1
Isi tersurat [4 hingga 12 markah]	
1. Membolehkan Malaysia muncul sebagai negara perindustrian yang dinamik	2
2. Menyediakan keperluan dalam negara	2
3. Mengeksport pelbagai jenis barang industri	2
4. Mengurangkan pengaliran wang ke negara lain	2
5. Alat-alat industri boleh dibuat sendiri dengan bahan-bahan tempatan	2
6. Membantu kerajaan mengukuhkan sektor perindustrian negara	2
7. Pemandangan kepakaran teknologi boleh berlaku	2
8. Dapat mencorakkan struktur ekonomi negara	2
9. Melahirkan golongan industrialis yang berwibawa	2
10. Dapat berkembang dan beransur-ansur menjadi industri berat	2
Isi tersirat [4 hingga 12 markah]	
T1. Kerajaan memberikan khidmat nasihat / bantuan teknikal	2
T2. Institusi kewangan memberi kemudahan pinjaman / dana	2
T3. Kempen membeli barangan tempatan / barangan IKS	2
T4. Pengusaha meningkatkan kualiti produk	2
T5. Menggunakan strategi pemasaran yang berkesan	2
T6. Meluaskan pasaran	2
T7. Mempelbagai produk IKS	2
T8. Meningkatkan prasarana / infrastruktur	2
Penutup	
Kesimpulannya, semua pihak hendaklah menyokong perkembangan Industri Kecil dan Sederhana agar negara bertambah maju.	2
Kesimpulannya, kerajaan hendaklah memperkukuh perkembangan Industri Kecil dan Sederhana.	1

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 – 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas
	15 – 17	7 – 9	- Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14	6 – 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan
	8 – 11	4 – 6	- Kosa kata masih memuaskan -Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan, markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) – Petikan umum

(i) Maksud

- berbagai-bagai / berjenis-jenis dorongan / galakan 2
- dorongan / galakan 1

[maksimum: 2 markah]

(ii) Sebab-sebab

- dapat mengurangkan pengimportan pelbagai jenis bahan industri dari luar negara 1
- mendapat dorongan daripada pembangunan industri berat 1
- Malaysia telah merangka Pelan Induk Pembangunan Industri 1

[maksimum: 3 markah]

(iii) Sebab-sebab

- dapat meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar 1
- membuka peluang pekerjaan 1
- menyumbang kepada peningkatan industri pelancongan negara 1
- menambah pendapatan negara 1
- membantu meningkatkan kemajuan sektor-sektor lain 1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan cerpen

(i) Kesan-kesan yang terjadi;

- air sungai menjadi keruh macam air susu 1
- sampah sarap dipunggah bersama 1
- menumbangkan pokok-pokok yang tegak di tepi-tepi tebingnya 1
- memuntahkan tanah hingga terkobak rata-rata 1
- pokok-pokok padi habis tenggelam dan mati begitu saja 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) Langkah-langkah;

- membina tebatan / benteng / penghadang banjir 1
- mendalamkan dasar sungai / melebarkan sungai yang berdekatan 1
- membina pintu air / kunci air 1
- membina sistem saliran / perparitan 1
- membersihkan sungai daripada sampah sarap 1

[maksimum : 3 markah]

(iii) Persoalan dalam petikan;

- Kesukaran yang dihadapi akibat bencana alam.
Pokok-pokok padi ibu ditenggelami air dan mati apabila air sungai Ceper melimpah. 2
- Ketabahan menghadapi rintangan hidup.
Ibu bangun pada waktu subuh dan bersedia menempuh apa saja ujian atau cabaran pada siang hari 2

Persoalan dalam cerpen;

- Kepentingan air dalam kehidupan.
Ibu dan penduduk kampung menggunakan air sungai Ceper untuk kegunaan seharian dan mengairi sawah. 2
- Kurang kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
Penduduk kampung membuang sampah sarap ke dalam sungai Ceper menyebabkan sungai tersebut tercemar. 2
- Kasih sayang dalam keluarga.
Aku menjaga ibu ketika ibu sakit dan tidak boleh bergerak 2

[maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud *memeliharakan geliung*;

- menjaga / melindungi kapal layar 2
- menjaga / melindungi kapal 1
- menyelamatkan kapal 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) Tindakan Awang Sulung;

- Awang Sulung segera ke petak jubungnya 1
- mengambil bungkusan tulang pelanduk putih 1
- mengikat bungkusan pada benang pancar warna 1
- mencampakkan bungkusan tersebut ke laut 1

[maksimum : 3 markah]

(iii) Tidak wajar kerana;

- Tuanku Nakhoda Tua tidak melihat sendiri jurumudi menghadapi amukan Tuan Puteri dayang Nuramah 1
- Jurumudi tidak jujur / mempunyai muslihat 1
- Tuanku Nakhoda Tua tidak dapat berfikir dengan baik / waras pada waktu itu 1

Wajar kerana;

- Jurumudi telah menunjukkan keris yang berdarah sebagai bukti 1
- Jurumudi telah lama berkhidmat dengan Nakhoda Tua 1
- Geliung tidak lagi dalam keadaan bahaya / terancam 1

[maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

(i) Keistimewaan bahasa Melayu;

- dikenali / terkenal di peringkat antarabangsa 1
- dapat menyentuh jiwa / bahasa yang lembut 1
- bahasa minda / bahasa ilmu 1
- mudah akrab / mudah dipelajari / mudah difahami 1
- bertatasusila / bahasa yang sopan 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) Usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu;

- mengadakan kempen kesedaran 1
- menulis rencana berkaitan bahasa Melayu dalam majalah / suratkhbar 1
- menganjurkan bengkel / seminar / kelas untuk masyarakat berbilang kaum 1
- mengadakan program bahasa dengan kerjasama pihak kerajaan dan swasta 1
- mengadakan pelbagai pertandingan berkaitan kemahiran bahasa 1
- mengundang peserta luar negara menyertai simposium / kolokium seminar bahasa Melayu di negara ini 1

[maksimum : 3 markah]

(iii) Nilai murni;

- Ketabahan.
Memperjuangkan bahasa Melayu di dunia 2
- Cinta akan bahasa.
Penyair menyatakan bahasa Melayu mesti dimartabatkan 2
- Kesopanan.
Sopan santun bahasa merupakan maruah bangsa Melayu 2
- Keberanian.
Pelaut meredah lautan untuk menyebarkan / memartabatkan bahasa 2

[maksimum : 4 markah]

Peraturan Pemarkahan

Soalan 3

Marlah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

- 3(a) i. dapat – boleh, beroleh, menerima, berjaya, berhasil, faham
bersependapat – sama-sama berpendapat
- ii. prihatin – mengambil berat, berdukacita atau kecewa yang amat sangat
keprihatinan – kesungguhan menunjukkan minat atau perhatian berat
kepada seseorang atau sesuatu, perasaan sedih yang
amat sangat.
- iii. sejuk – tidak panas, segar dan nyaman, berasa dingin, tenang dan
tenteram
kesejukan – perihal sejuk, kedinginan, kena sejuk, masuk angin

[Maksimum : 6 markah]

3(b) Menukar cakap ajuk kepada cakap pindah

Isi penting

- Cikgu Azlan menegur Rajesh yang lewat hadir pada hari itu.
- Dengan suara yang tersekat-sekat Rajesh meminta maaf daripada Cikgu Azlan. Dia menjelaskan bahawa dia terpaksa menghantar adiknya ke sekolah terlebih dahulu.
- Cikgu Azlan ingin tahu sebab Rajesh terpaksa menghantar adiknya ke sekolah.
- Rajesh memberitahu bahawa ayahnya kurang sihat dan menegaskan bahawa ayahnya demam.
- Cikgu Azlan memahami masalah Rajesh sambil mengangguk-anggukkan kepalanya.
- Rajesh berjanji akan cuba datang lebih awal pada keesokan harinya

[Maksimum : 6 *markah*]

Markah diberi secara impression

Baik : 5 – 6

Sederhana : 3 – 4

Lemah : 1 – 2

- 3(c) i. permainkan - memainkan
 signifiken - signifikan
- ii. agong - agung
 mengadakan - diadakan
- iii. dikalakkan - menggalakkan
 pelancung - pelancong

[Maksimum : 6 *Markah*]

- 3(d) i. perawatan - pemeriksaan
 pelbagai penyakit-penyakit - pelbagai penyakit
- ii. di masa - pada masa
 meninggikan - meningkatkan
- iii. satu - pertama
 di dalam - dalam

[Maksimum : 6 *Markah*]

- 3(e) i. Ketam menyuruh anaknya berjalan betul.
ii. Air yang tenang jangan disangka tiada buaya.
iii. Diam-diam ubi berisi, diam-diam penggali berkarat.

[Maksimum : 6 *Markah*]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

Perhatian bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Berikan 2 markah bagi peristiwa yang tepat.
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
(v) Markah isi maksimum 4 markah.
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
(vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
Baik = 3 markah
Sederhana = 2 markah
Lemah = 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah untuk satu pengajaran bagi setiap novel
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
(v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
(vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
Baik = 2 markah
Lemah = 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

- 4(a) Peristiwa yang menggembirakan:

Novel Melunas Rindu

1. Peristiwa Fuad menyemak penyata akaun melalui kad ATMnya ketika menunggu anak Borhan dirawat di klinik. Didapati wang dalam akaunnya bertambah. Fuad yakin bahawa ayahnya yang memasukkan wang tersebut.

Peristiwa ini menggembirakan Fuad kerana ayahnya masih mengambil berat tentang dirinya.

2. Peristiwa Farhana dan adik-adiknya Muhammad Fikri dan Muhammad Syukri menghantar Fuad, ibu kandungnya Mariana, Pak Ismail dan Mal Salmah mengerjakan umrah ke tanah suci. Mariana berpesan kepada Farhana supaya menjaga adiknya baik-baik.

Peristiwa ini menggembirakan kerana akhirnya Fuad bersatu dengan keluarganya.

3. Peristiwa kedatangan Robert Lim di lapangan terbang. Mengejutkan Fuad, Mariana, Pak Ismail dan Mak Salmah. Robert Lim berpesan kepada Fuad supaya menjaga ibunya baik-baik di sana sebelum mereka berangkat ke tanah suci. Dia mungkin akan menyusul kemudian.

Peristiwa ini menggembirakan kerana ada petanda menunjukkan bahawa Robert Lim akan kembali kepada Islam.

4. Peristiwa Fuad mengetahui ibu kandungnya masih hidup daripada Pak Samsudin iaitu jiran Mariah (kakak angkat ibu Fuad). Pak Samsudin juga meyakinkan Fuad bahawa Fuad akan berjumpa dengan ibu kandungnya, Mariana.

Peristiwa ini menggembirakan kerana usaha Fuad mengesan ibunya semakin menunjukkan hasil positif.

5. Peristiwa Fuad menyedari bahawa ibu Farhana adalah ibu kandungnya. Mariana dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan kerana menghidap penyakit lelah (asma). Semasa berada di hospital tersebut Fuad mengetahui ibu Farhana (Mariana) adalah ibu kandungnya yang dicari selama ini.

Peristiwa ini menggembirakan kerana Fuad telah berjaya menemui ibu yang dicari selama ini.

6. Peristiwa Fuad dan Farhana ke Restoran Terapung untuk meraikan hari lahir Farhana.

Peristiwa ini menggembirakan kerana hubungan Fuad dengan Farhana semakin rapat dan mesra.

Novel Kabus Di Perbukitan

a) Peristiwa yang menggembirakan:

1. Peristiwa Rahayu bertemu dengan Faridah dalam keadaan bawah sedar. Mereka bertemu di dalam sebuah rumah papan yang hampir roboh ditolak arus. Selepas diselamatkan Rahayu, Faridah memeluk adiknya dengan erat untuk melepaskan rindu setelah bertahun-tahun tidak bertemu.

Peristiwa ini menggembirakan kerana walaupun secara sedar mereka tidak bertemu, tetapi di bawah sedar, mereka dapat juga bertemu.

2. Peristiwa perkahwinan antara Melina dan Benny yang dilangsungkan di Masjid Al Noor di Christchurh, New Zealand.

Peristiwa ini menggembirakan kerana hubungan mereka direstui oleh keluarga masing-masing.

3. Peristiwa Melina bertemu semula dengan suaminya, Benny di Dubai. Benny meminta maaf dan akhirnya mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di Dubai.

Peristiwa ini menggembirakan kerana akhirnya Melina bertemu dengan suaminya.

4. Peristiwa Faridah dan Iqbal ditemui semula di Perkampungan Orang Asli Temuan oleh ayahnya, Mejar (B) Kamarudin dan Buyung dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Peristiwa ini menggembirakan kerana usaha Kamaruddin berhasil dan menemukan dia dengan anaknya.

5. Peristiwa perkahwinan antara Anne dengan Zain dilangsungkan di Cameron Highland serta disiarkan secara langsung di televisyen.

Peristiwa ini menggembirakan kerana dapat menemukan dua budaya yang berbeza.

Novel Melunas Rindu

(b) Pengajaran

1. Kita hendaklah sentiasa menghormati orang yang lebih tua.
 - Fuad menghormati Pak Ismail, dan Mak Salmah dengan menerima teguran daripada mereka
2. Kita hendaklah mengamalkan semangat bekerjasama.
 - Fuad dan Farhana sering berbincang dan bekerjasama untuk meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris pelajar-pelajar mereka di Sekolah Menengah Seri Setia

3. Kita hendaklah menerima suratan takdir dengan hati yang tabah.
 - Fuad menerima takdir bahawa Farhana adalah adik kandungnya.
4. Kita hendaklah mengenang jasa orang yang telah berbudi kepada kita.
 - Fuad membuka buku akaun Giro untuk adik-adik sepupunya sebagai mengenang jasa Peter Lim dan Swee Lan.
5. Kita hendaklah insaf apabila melakukan sesuatu kesalahan.
 - Fuad insaf akan kesilapannya dengan meminta maaf daripada Mak Salmah dan Pak Ismail menyebabkan mereka kehilangan Sofia.
6. Kita mestilah taat dalam mengerjakan suruhan Tuhan.
 - Fuad mengerjakan solat walaupun dalam keadaan musafir dan rajin menunaikan solat secara berjemaah di surau
7. Kita hendaklah memberikan bantuan tanpa mengharapkan balasan.
 - Fuad menolong menghantar anak Borhan yang sakit ke klinik pada waktu malam.

Novel Kabus Di Perbukitan

(b) Pengajaran

1. Kita hendaklah mempunyai jati diri.
 - Faridah masih mengamalkan budaya hidup orang Melayu dan Islam walaupun menetap di New Zealand seperti memasak masakan Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengekalkan nama Melayunya di sana.
2. Kita hendaklah menerima ketentuan takdir.
 - Azrul menerima takdir kematian Rahayu dengan hati yang tenang dan menyimpan kasih sayang terhadap Rahayu dalam hatinya.
3. Kita perlulah berhati-hati dalam memilih kawan.
 - Benny yang berkawan dengan Mohamed Attar tidak menyangka sahabatnya itu terlibat dengan aktiviti keganasan.
4. Kita hendaklah menyayangi antara satu sama lain.
 - Hamidah menyayangi Rahayu seperti anaknya sendiri walaupun Rahayu merupakan anak tirinya.
5. Kita hendaklah taat pada agama.
 - Faridah tetap taat pada agama dengan cara mendidik anak-anaknya dengan ajaran Islam walaupun sudah lama tinggal di New Zealand.

6. Kita hendaklah membantu golongan kurang upaya.
 - Faridah sentiasa membantu Iqbal, iaitu kanak-kanak *Sindrom Down*.
7. Kita mestilah menjaga alam sekitar agar tidak rosak atau tercemar.
 - Azrul menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemuliharaan alam sekitar seperti kempen 'Save Our River'.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT